



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 56**

**9hb Mei 2013**

**No. 10**

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 48.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	P.M.	
Chuping	8952	0.4282	2162	130404030077
Titi Tinggi	573	1.8563	2255	130415040059
			G.M.	
Chuping	1989	0.9474	1475	130410030070

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Meter Persegi	G.M.	
Jejawi	1347	131	931	130415040087

Bertarikh 22 April 2013  
[PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 7]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 49.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Meter Persegi	H.S.(M)	
Kuala Perlis	P.T. 1277	113	1689	130403040075
Titi Tinggi	P.T. 935	442.9472	513	130404030096
			H.S.(D)	
Jejawi	P.T. 346	286.132	1437	130410030069

Bertarikh 22 April 2013  
[PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 7]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 50.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ahmad Edros bin Ahmad Osman yang beralamat di No. 8 Jalan Lang Rajawali 5, Taman Dato Jaafar, 01000 Kangar, Perlis atau di OMQ JKR 9/D, Pengkalan Udara Kuantan, 25990 Kuantan, Pahang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 14 Mei 2013 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kechor. No. Lot—2647. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1282. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1131/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 16 April 2013  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 2009(4)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 51.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 23 Mei 2013 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM85,500.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lima Ribu Lima Ratus Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM143,322.85. Nama pemegang gadaian—Resolution Alliance Sdn. Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM8,550.00 (Ringgit Malaysia Lapan Ribu Lima Ratus Lima Puluh Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 20 September 2013 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Wang Bintong. No. Lot—1702. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1759. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 404, Jilid 1, Folio 78 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Mac 2013  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1878(29A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 52.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamad Firdaus bin Abdul Hamid, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 Mei 2013 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM160,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Enam Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM177,519.26. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM16,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 30 Ogos 2013 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Arau. No. Lot—8311. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3288. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 122/2008 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Mei 2013  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1938(38A)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 53.**

DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT  
(Arahan Perbendaharaan 162)

## PEMBERITAHUAN

Dengan ini diberitahu iaitu kiraan-kiraan wang yang disimpan dalam Unit Kewangan, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis dalam Deposit telah tidak dituntut selama lebih dari dua belas (12) bulan dan jika tidak ada tuntutan maka wang ini akan menjadi Hak Milik Kerajaan Negeri Perlis. Kiraan-kiraan wang hendaklah dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh senarai ini diwartakan ke dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perlis.

Tuntutan-tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh senarai ini diwartakan. Sekiranya tuntutan ini tidak diterima selepas tiga (3) bulan dari tarikh diwartakan, kiraan-kiraan wang ini akan dikreditkan ke dalam akaun Hasil Kerajaan Negeri Perlis.

JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS  
SENARAI DEPOSIT TELAH TIDAK DITUNTUT (79502)  
KOD JABATAN: 0250 KOD AKAUN DEPOSIT: 79502

Bil.	Nama Pendeposit	Tarikh Simpanan	No. Resit	Jumlah (RM)
1.	Awara Securities Services	29-11-2006	R00020059	200.00

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

9hb Mei 2013]

105

Bil.	Nama Pendeposit	Tarikh Simpanan	No. Resit	Jumlah (RM)
2.	A.K Protection Systems	29-11-2006	R00020060	200.00
3.	Globe Securities Services Sdn. Bhd.	29-11-2006	R00020061	200.00
			JUMLAH	<u>600.00</u>

Bertarikh 17 April 2013  
[PTG. Ps.(PENT.) 113 Jld. 4]

HISAN BIN ABU BAKAR  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA